

[*THE IMPACT OF ABDULLAH'S LINEAGE ON SOCIAL PROBLEMS AMONG
ILLEGITIMATE CHILDREN*]

**IMPAK PENASABAN KEPADA ABDULLAH TERHADAP MASALAH SOSIAL ANAK TAK
SAH TARAF**

MUHAMMAD MUSTAQIM BIN ROSLAN

Fakulti Pengajian Islam & Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)

Email: muhd.mustaqim@usas.edu.my

Received: 14th January 2024

Accepted: 28th January 2024

Published: 1st June 2024

ABSTRACT

The decision of the National Fatwa on the naming of an illegitimate child's (Anak Tak Sah Taraf, ATST) lineage to Abdullah is the majority view in Malaysia. ATST's mother's name is replaced as a legitimate line of descent with Abdullah's to avoid psychological and social problems for the child. However, there are several allegations that show a negative impact on ATST, which is contrary to the fatwa. In relation to that, the purpose of this article is to look at the social problems faced by ATST who use the name Abdullah to replace the mother's name as a legitimate line of descent. This study's philosophy is interpretive, and the research strategy is a case study. This study, too, used a qualitative design and a data collection method that combined document content analysis techniques and semi-structured question interviews. Once the document and interview data have been obtained, the document content analysis method is used again in the process of analysing these data, and the results are classified using the thematic method. The results of the study found that there are four types of social problems that can be linked to the naming of ATST to Abdullah, namely skipping school, running away from home, fighting back and hanging out. Therefore, this study suggests that the use of Abdullah's name to replace the mother's name as a legitimate line of descent to ATST be refined to reflect current reality.

Keywords: *Abdullah, National Fatwa, Social Problems, Lineage, Naming*

ABSTRAK

Keputusan Fatwa Kebangsaan terhadap penamaan nasab anak tak sah taraf (ATST) kepada Abdullah merupakan pandangan majoriti di Malaysia. Nama ibu ATST sebagai jalur nasab yang sah digantikan kepada Abdullah adalah bertujuan untuk mengelakkan kesan psikologi dan masalah sosial berlaku kepada anak tersebut. Namun begitu, terdapat pelbagai dakwaan yang menampakkan kesan yang negatif berlaku kepada ATST tidak seperti yang diinginkan oleh fatwa. Sehubungan dengan itu, artikel ini dihasilkan bertujuan mengkaji impak masalah sosial yang dihadapi oleh ATST yang dinamakan dengan nama Abdullah bagi menggantikan nama ibu sebagai jalur yang sah. Falsafah di sebalik kajian ini adalah interpretif, manakala strategi kajian pula ialah kajian kes. Kajian ini juga mengadaptasikan reka bentuk kualitatif dengan kaedah pengumpulan data adalah kombinasi teknik analisis kandungan dokumen dan temu bual separa berstruktur. Setelah data dokumen dan data temu bual diperolehi, kaedah analisis kandungan dokumen digunakan sekali lagi dalam proses menganalisis data yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik. Hasil dapatan kajian mendapati terdapat empat jenis masalah sosial yang boleh dikaitkan dengan penamaan ATST kepada Abdullah iaitu ponteng sekolah, lari dari rumah, melawan cakap dan melepak. Oleh yang demikian, kajian ini mencadangkan agar penamaan nama Abdullah bagi menggantikan nama ibu sebagai jalur yang sah ke atas ATST adalah wajar dimurnikan kembali agar bersesuaian dengan realiti yang berlaku.

Kata kunci: Abdullah, Fatwa Kebangsaan, Masalah Sosial, Nasab, Penamaan

PENDAHULUAN

Anak Tak Sah Taraf (ATST) dapat diistilahkan di dalam bahasa Arab sebagai “*walad zina*” yang membawa maksud “anak zina” dari sudut bahasanya (Hans Wehr 1980). Majlis Fatwa Kebangsaan telah memutuskan ATST tidak boleh dinasabkan kepada bapa biologinya dan keputusan ini turut disokong oleh beberapa buah negeri di Malaysia seperti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor, Melaka, Sarawak, Negeri Sembilan, Terengganu, Selangor dan Pulau Pinang (Muhammad Adam 2020). Menurut keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan dalam membincangkan isu penamaan nasab ATST ini, mendahului masalah umum iaitu menutup ruang zina sepatutnya menjadi perbincangan utama berbanding menutup malu ATST tersebut (Mustaqim Roslan 2023). Oleh yang demikian, ATST tersebut dibin atau dibintikan kepada Abdullah atau lain-lain nama “*Asma’ al-Husna*” berpangkalkan Abdul bagi mengelakkan kesan psikologi dan masalah sosial yang terkesan kepada diri mereka (JAKIM 2003).

Namun begitu, realiti yang berlaku kepada ATST ini adalah tidak selari dengan objektif dan matlamat asal seperti yang diputuskan dalam fatwa. Hasil tinjauan literatur lepas menunjukkan terdapat pelbagai kes buruk termasuklah masalah sosial yang didakwa melibatkan ATST yang dinamakan dengan nama Abdullah. Dalam kes kes rayuan No. W-01(A)-365-09/2016 terhadap permohonan ATST untuk tidak dinasabkan kepada Abdullah, Mahkamah Rayuan menyatakan penamaan anak luar nikah dengan nama Abdullah dilihat sebagai diskriminasi kepada masa depan dan perasaan kanak-kanak tersebut. Rata-rata masyarakat menyokong keputusan mahkamah rayuan ini dan berpendapat bahawa kanak-kanak yang dibin kepada Abdullah sering dipersenda, diejek anak luar nikah dan dipanggil sebagai anak tidak sah. Mereka yang dihina ini akan marah dan harga diri mereka terjejas dan ini secara langsung boleh menyebabkan masalah kemurungan kepada anak tersebut. Ada di antara mereka yang tidak mahu lagi ke sekolah dan mereka yang bijak pandai terpaksa berhenti sekolah akibat dipulau dan diejek kawan-kawan di sekolah (A Child & 2 Ors Jabatan Pendaftaran Negara 2017).

Sehubungan dengan itu, artikel ini dihasilkan bertujuan untuk mengkaji impak masalah sosial yang dihadapi oleh ATST yang dinamakan dengan nama Abdullah bagi menggantikan nama ibu sebagai jalur yang sah.

SOROTAN KAJIAN

Secara dasarnya, perbincangan tentang ATST telah dikaji dalam kajian-kajian lepas dari pelbagai aspek antaranya adalah kajian oleh Wan Abdul Fattah Ismail, Syahirah Abdul Shukor, Lukman Abdul Mutalib, Ahmad Syukran Baharuddin, Zulfaqar Mamat dan Nik Salida Suhaila Nik Saleh (2020). Kajian ini menunjukkan bahawa jalan terbaik dalam menyelesaikan permasalahan seks bebas dan ATST dalam kalangan remaja Islam adalah dengan memperbaiki remaja itu sendiri. Dari aspek perundangan berkaitan ATST, kajian oleh Zakiul Fuady Muhammad Daud & Raihanah Azahari (2020) menunjukkan bahawa keputusan dan metode penghakiman adalah tidak sesuai dengan syarak kerana menafikan pemberian hibah yang

hakikatnya sudah selari dengan syarak tetapi digantikan dengan memberikan wasiat *wajibah* yang hukumnya masih dipertentangkan.

Selain itu, peranan perundangan jenayah dalam menangani ATST di Malaysia turut dikaji dalam kajian oleh Azizah Mat Rashid, Noor Aziah Mohd Awal, Ahmad ‘Azam Mohd Shariff, Nor ‘Adha Abd Hamid, Tg. Noor Azira Tg Zainudin (2019). Hasil dapatan menunjukkan bahawa penetapan hala tuju baru yang bersifat lebih holistik merangkumi integrasi kefahaman falsafah, pelaksanaan peruntukan dan hukuman yang lebih sesuai seiring dengan perkembangan semasa jenayah khususnya yang menyumbang kepada kelahiran ATST perlu ditransformasikan. Noraini Aqilah Ismail & Ahmad Munawar Ismail (2018) dalam satu kajian empirikal di Hulu Langat mendapati bahawa masyarakat di daerah tersebut tidak mempunyai persepsi yang negatif terhadap ATST dengan jumlah min sebanyak 4.30. Jika melihat kepada kajian-kajian lepas ini, walaupun isu ATST itu dibahaskan dalam perbincangan artikel tersebut, namun isu masalah sosial ATST terhadap fatwa penamaan nasab kepada Abdullah secara khusus tidaklah diperincikan secara berfokus. Oleh yang demikian, ia membuka ruang kajian dalam artikel ini untuk melihat isu perbincangan yang diutarakan dengan lebih tuntas.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah merujuk kepada cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk memastikan objektif dan matlamat kajian tercapai (Mustaqim Roslan 2023). Oleh itu, kajian ini telah mengatur metodologi kajian dan strategi yang akan digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data melalui tiga kaedah iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Falsafah di sebalik kajian ini adalah interpretif iaitu carian penjelasan tentang peristiwa-peristiwa sosial atau budaya yang didasari pada perspektif persekitaran yang dikaji (Muslim 2016). Selain itu juga, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam mengadaptasi reka bentuk kajian. Strategi kajian pula ialah kajian kes. Manakala kaedah pengumpulan data dalam kajian ini adalah kombinasi teknik analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur. Setelah data dokumen dan data temu bual diperolehi, kaedah analisis kandungan digunakan dalam proses menganalisis data-data ini yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik.

Selain daripada itu juga, kajian ini mengadaptasikan persampelan bertujuan atau *purposive sampling* yang digunakan dalam kajian ini. Menurut Babbie (2002), persampelan bertujuan adalah pemilihan peserta kajian berdasarkan pertimbangan penyelidik untuk memilih sampel yang paling berguna dan sesuai serta memenuhi keperluan tujuan kajian. Oleh yang demikian, seramai 12 sampel yang terdiri daripada seorang pakar psikologi, dua orang pakar psikiatri kanak-kanak dan remaja, empat orang ATST dan lima orang penjaga ATST dijadikan sampel utama untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan masalah sosial yang dihadapi oleh ATST. Memandangkan kajian ini tidak mengetahui siapakah dalam kalangan populasi yang benar-benar layak dipilih sebagai sampel kajian atau yang berkemampuan boleh memberikan maklumat yang kaya, maka kaedah *snowball* digunakan seperti yang dicadangkan oleh

Creswell (2008). Kaedah *snowball* di mana seorang partisipan atau satu latar akan memberikan petunjuk untuk memilih partisipan atau latar seterusnya (Othman Lebar 2017).

KONSEP MASALAH SOSIAL

Perkataan “masalah sosial” merupakan gabungan daripada dua patah perkataan iaitu “masalah” dan “sosial”. Kedua-dua perkataan ini juga turut membawa maksud yang berbeza. Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2012), perkataan masalah ialah sesuatu yang memerlukan penyelesaian, perkara atau keadaan yang menimbulkan kesukaran. Manakala perkataan sosial pula membawa maksud segala yang berkaitan dengan masyarakat. Oleh yang demikian, dapatlah dirumuskan bahawa masalah sosial membawa erti sesuatu perkara, keadaan atau kesukaran yang berlaku dalam masyarakat khususnya kepada anak-anak tak sah taraf ini hasil daripada interaksi mereka dengan anggota masyarakat.

Takrifan ini disokong oleh Rehana Dzulaicha Jhon (2019) yang mana beliau turut mentakrifkan masalah sosial itu sebagai suatu ketidaksesuaian antara unsur kebudayaan atau masyarakat, yang membahayakan kehidupan kelompok sosial sehingga menyebabkan kepincangan ikatan sosial dalam warga kelompok sosial itu sendiri. Selain itu, istilah masalah sosial ini juga mempunyai pengertian yang luas dan ia bukan hanya mencakupi masalah kemasyarakatan (*society problems*) tetapi juga masalah yang berkaitan dengan gejala abnormal dalam kehidupan masyarakat (*ameliorative or social problem*) (Zulfikri Abd. Wahab, Yohan Kurniawan & Haris Abd. Wahab 2013). Tallman dan McGee (1971) mentafsirkan masalah sosial sebagai keadaan yang tidak digemari oleh orang ramai dan perlu dibasmi, diselesai atau diperbaiki melalui tindakan bersama oleh anggota masyarakat.

MASALAH SOSIAL ATST YANG DINAMAKAN KEPADA ABDULLAH

Hasil dapatan menunjukkan bahawa ATST yang dinamakan kepada Abdullah rata-rata mengalami masalah sosial dalam kehidupan mereka. Kajian ini menghuraikan dapatan temu bual separa berstruktur yang dijalankan kepada 12 sampel yang terdiri daripada tiga orang informan dan sembilan orang responden seperti dalam jadual 1.0 di bawah. Jadual ini diadaptasikan oleh Norizan Yusof (2016) Jadual ini turut diolah berpandukan kepada perbincangan kajian dan dimulai dengan pandangan umum sebelum dihuraikan dengan lebih terperinci dalam perbincangan seterusnya. Berikut adalah hasil dapatan secara umum bagi masalah sosial yang dihadapi oleh ATST yang dinamakan kepada Abdullah:

Jadual 1.0: Hasil Dapatan Umum bagi Masalah Sosial yang dihadapi oleh ATST yang dinamakan kepada Abdullah (Sumber: Adaptasi daripada jadual Norizan Yusof 2016)

BIL.	KOD SAMPEL	KATEGORI SAMPEL	IMPAK MASALAH SOSIAL
1.	In1	Pakar Psikologi	/
2.	In2	Pakar Psikiatri Kanak-Kanak & Remaja, UKM	/
3.	In3	Pakar Psikiatri Kanak-Kanak & Remaja, UPM	/
4.	R1	Anak Tak Sah Taraf (1)	/
5.	R2	Anak Tak Sah Taraf (2)	/
6.	R3	Anak Tak Sah Taraf (3)	/
7.	R4	Anak Tak Sah Taraf (4)	/
8.	R5	Penjaga Anak Tak Sah Taraf (1)	/
9.	R6	Penjaga Anak Tak Sah Taraf (2)	/
10.	R7	Penjaga Anak Tak Sah Taraf (3)	/
11.	R8	Penjaga Anak Tak Sah Taraf (4)	/
12.	R9	Penjaga Anak Tak Sah Taraf (5)	/

Merujuk kepada jadual 1.0 di atas, kesemua 12 sampel yang terdiri daripada tiga orang informan dan sembilan orang responden kajian bersetuju bahawa ATST yang dinamakan kepada Abdullah mengalami masalah sosial. Empat kategori sampel di atas adalah merangkumi seorang pakar psikologi iaitu mewakili In1, pakar psikiatri kanak-kanak & remaja UKM dan UPM seramai dua orang mewakili In2 dan In3, ATST seramai empat orang bermula R1 hingga R4 dan penjaga ATST pula seramai lima orang bermula dari R5 hingga R9. Kesemua mereka memberikan maklum balas negatif terhadap masalah sosial yang dihadapi oleh ATST walaupun daripada kategori gejala yang berbeza.

Hasil dapatan kajian bagi masalah sosial terhadap penamaan nasab ATST kepada Abdullah menunjukkan terdapat empat jenis masalah yang telah dikenal pasti. Kesemua masalah sosial yang dimaksudkan ialah ponteng sekolah, lari dari rumah, melawan cakap dan melepak. Kesemua masalah sosial yang telah dikenal pasti dalam kajian ini adalah disokong dan diklasifikasikan sebagai masalah sosial oleh beberapa literatur lepas seperti “*Teks Komprehensif P.T.K. (Penilaian Tahap Kecekapan)*” oleh Mok Soon Sang (2005), kajian “*Permasalahan Sosial dalam kalangan Remaja: Satu Cabaran*” oleh Azizi Yahaya (2010) dan “*Isu-Isu Remaja Suka Melepak*” yang ditulis oleh penulis yang sama iaitu Azizi Yahaya (2011). Semua kategori di bawah masalah sosial diperincikan lagi dalam perbincangan ini seperti dalam jadual 1.1 di bawah:

Jadual 1.1: Hasil Dapatan Khusus bagi Masalah Sosial yang dihadapi oleh ATST yang dinamakan kepada Abdullah (Sumber: Adaptasi daripada jadual Norizan Yusof 2016)

BI L.	MASALA H SOSIAL	SAMPEL KAJIAN											JUMLAH SAMPEL YANG BERSETU JU	
		In 1	In 2	In 3	R 1	R 2	R 3	R 4	R 5	R 6	R 7	R 8		R 9
1.	Ponteng Sekolah	/			/	/	/							4
2.	Lari dari Rumah	/		/	/	/	/	/		/			/	8
3.	Melawan Cakap		/		/		/			/				4
4.	Melepak				/		/					/		3

Jadual 1.1 di atas menunjukkan kesemua sampel bersetuju bahawa ATST mengalami masalah sosial akibat penamaan mereka kepada Abdullah. Walaupun setiap sampel tidak menyatakan kesemua masalah itu terkesan kepada ATST, namun masalah-masalah tersebut turut berada di bawah kategori masalah sosial. Merujuk kepada jadual di atas, masalah “lari dari rumah” merupakan masalah yang paling tinggi dipersetujui oleh sampel kajian ini dengan seramai lapan orang daripada keseluruhan sampel iaitu seramai 12 orang mengakui bahawa penamaan nasab kepada Abdullah memberi kesan terhadap ATST. Ia diikuti dengan masalah “ponteng sekolah” dan “melawan cakap” yang merupakan masalah kedua tertinggi seramai empat orang. “Melepak” pula merupakan antara masalah sosial yang paling kurang dihadapi oleh ATST. Kajian ini turut memperincikan kesemua masalah sosial ini yang dihadapi oleh ATST atas sebab penamaan nasab mereka kepada Abdullah.

Masalah sosial yang pertama ialah “ponteng sekolah”. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), ponteng bermaksud kecoh, tipu, lari daripada tugas atau tanggungjawab dan lain-lain. Adapun sekolah pula bererti tempat untuk belajar dan mengajar, tempat menerima dan memberi pelajaran. Oleh yang demikian, dapatlah difahami bahawa ponteng sekolah merupakan perlakuan ketidakhadiran seseorang pelajar ke sekolah tanpa sebarang kebenaran sama ada secara lisan atau bertulis daripada pihak yang berwajib (pengetua atau guru besar) (Diana Wulandari & Mohammad Syawal 2018). Terdapat juga literatur lepas yang mentakrifkan ia sebagai ketidakhadiran pelajar ke sekolah dengan sengaja tanpa sebarang alasan yang munasabah (Ainonmadiyah, Nawawi, Norhana, Juliana & Siti Noor 2016).

Empat sampel bersetuju bahawa penamaan nasab ATST itu memberikan kesan kepada mereka sehingga menjadikan mereka sering ponteng sekolah. Hal ini berlaku kerana mereka takut disindir oleh guru dan diejek oleh kawan-kawan mereka. Menurut pakar psikologi juga, ada dalam kalangan guru yang memang sengaja bertanyakan soalan berkaitan dengan penamaan mereka di hadapan kawan-kawan sekelas. Hal ini sekali gus meruntuhkan semangat mereka untuk hadir ke sekolah lalu ponteng tanpa rasa bersalah lagi. Tiga sampel ini adalah diperakui sendiri oleh mangsa keadaan iaitu ATST dan ia disokong oleh seorang pakar psikologi yang mana gejala itu benar-benar berlaku kepada mereka. Sungguhpun penjaga-penjaga ATST

mengakui bahawa anak-anak di bawah jagaan mereka itu mengalami masalah sosial akibat kesan penamaan yang dihadapi oleh mereka, namun mereka tidaklah mengkhususkan gejala sosial yang dihadapi itu ialah ponteng sekolah. Hal ini kerana, gejala sosial iaitu ponteng sekolah itu hanya dapat dikenal pasti daripada mangsa keadaan dan turut disokong oleh pakar dalam sesi temu bual yang dijalankan. Menurut R1 dan In1:

R1: *“Ya selepas saya dapat tahu cerita itu macam biasa perangai saya berubah dan saya banyak ikut kawan lebih daripada keluarga saya sendiri. Apa yang kawan saya ajak, saya ikut ja contoh merokok, melepak, ponteng sekolah, hisap rokok. Saya terikut dengan kawan sebab saya lebih dekat dengan kawan berbanding keluarga sendiri selepas apa yang saya tahu”* (R1(1)I-15/4/22(2362-2364).

In1: *“Keterlibatan mereka dalam gejala sosial disebabkan tekanan emosi yang dihadapi tadi, kanak-kanak dan remaja dia mungkin akan memberontak. Bila dia memberontak itu menyebabkan dia boleh terlibat dengan gejala sosial misalnya ponteng sekolah, hisap rokok, bergaul dengan mereka yang mungkin sudah tidak bersekolah. Kemudian terlibat dengan samun, kecurian, seks wanita dan sebagainya”* (In1(1)I-23/3/22(204-206).

Masalah sosial yang kedua ialah “lari dari rumah”. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), lari ialah berlari bergerak dengan pantas sekali dan lebih cepat daripada berjalan. Adapun dari merupakan sendi kata yang menerangkan atau menyatakan tempat mula bergerak seperti bertolak, muncul, jatuh dan lain-lain. Manakala rumah adalah binaan untuk tempat tinggal. Oleh yang demikian, dapatlah difahami bahawa lari dari rumah ini adalah seseorang yang meninggalkan rumah dengan serta merta tanpa memberitahu ibu bapa ke mana hala tujuan mereka. Ia juga merupakan satu tingkah laku atau perbuatan meninggalkan rumah tanpa restu daripada ibu bapa menuju ke satu tempat yang biasanya tidak diketahui oleh keluarganya (Chitra Devi Narayanan 2017). Selalunya ia terjadi apabila seseorang itu biasanya berhadapan dengan masalah sosial seperti ditipu dan diperdagangkan, tiada tempat bergantung dan tiada masa depan yang baik (Nor Khairiah & Siti Fardaniah 2019).

Lapan sampel bersetuju bahawa penamaan nasab ATST itu memberikan kesan kepada mereka sehingga menjadikan mereka keluar dan lari dari rumah. Gejala sosial ini sering berlaku pada seawal umur remaja disebabkan tekanan emosi yang dihadapi. Ada dalam kalangan mereka yang bukan sahaja lari dari rumah, bahkan turut lari dari negara berdampingan dengan orang yang boleh mendengar masalah mereka. Menurut pakar psikologi juga bahawa hal ini disebut sebagai “beban psikologi” yang mana anak-anak ini berasakan penamaan nasab mereka kepada Abdullah adalah satu beban yang tidak sepatutnya mereka tanggung. Hanya disebabkan masalah ibu bapa mereka, mereka yang menjadi mangsa keadaan. Empat sampel ini adalah diperakui sendiri oleh mangsa keadaan iaitu ATST dan ia disokong oleh dua orang penjaga ATST yang mana gejala ini benar-benar berlaku kepada mereka. Selain itu juga, pakar psikiatri kanak-kanak dan remaja berserta pakar psikologi turut menyokong gejala sosial ini. Menurut R3, R9 dan In3:

R3: “*Saya pernah ponteng sekolah terlalu kerap lalu cikgu panggil ahli keluarga saya untuk menceritakan masalah saya dan saya pernah lari dari rumah akibat tekanan dan kes ini menjadi kes polis dan jiran-jiran pon tahu hal ini yang perkara ini telah memberi tamparan kepada keluarga saya yang mana ini melibatkan maruah lah*” (R3(1)I-26/4/22(2643-2645).

R9: “*Itulah masalah dia. Bila pergi ke rumah kawan, dia susah nak balik, kalau boleh dia nak duduk je rumah orang tu. Macam tulah. Tapi tu dari masa dia kecil lagi dia dalam sekolah rendah, bila dah sekolah menengah dia lari lah. Pastu tak balik dah*” (R9(1)I-6/12/21(2168-2170).

In3: “*Dia rasa kecewa, dia rasa marah dan dia ambil tindakan lari dari rumah, lari dari dia punya keluarga dia, sebab dia nak identiti dia dekat situ*” (In3(1)I-7/4/22(1030-1031).

Masalah sosial yang ketiga ialah “melawan cakap”. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), melawan ialah menentang musuh, lawan, menyangkal dan lain-lain. Manakala cakap ialah bicara, kata, kecek dan tutur. Oleh yang demikian, dapatlah difahami bahawa melawan cakap itu merupakan tidak sependapat dengan apa yang dikatakan dengan lawan tutur (Artati, Dian Eka Chandra & Rokhmat Basuki 2020). Reaksi bertindak menentang apa yang diucapkan oleh penutur merupakan reaksi daripada satuan *lingual* tuturan imperatif. Dengan kata lain, implikasi yang terbentuk sepadan dengan tuturan perintah atau tuturan imperatif (Safynatul Fawziyyah & B. Wahyudi Joko 2017). Harus diketahui juga bahawa sikap menentang ini merupakan suatu pola negatif, bermusuhan, tidak patuh dan bentuk perilaku yang menyimpang pada diri seorang anak atau remaja (Marina Yollanda & Faridah Ainur 2019).

Empat sampel bersetuju bahawa penamaan nasab ATST itu memberikan kesan kepada mereka sehingga menjadikan mereka sering melawan cakap. Mereka bukan sahaja melawan cakap ibu bapa angkat mereka sahaja, bahkan turut melawan cakap guru-guru mereka di sekolah. Hilang rasa hormat kepada ibu bapa atas kesalahan lampau yang telah ibu bapa lakukan pada satu ketika dahulu menjadikan mereka melawan cakap. Gejala sosial yang bermula dari rumah ini akhirnya dibawa ke sekolah dan mereka mula melawan cakap guru-guru dan orang yang lebih tua daripada mereka. Salah satu sampel ini adalah diperakui sendiri oleh mangsa keadaan iaitu dua orang ATST dan ia disokong oleh seorang penjaga ATST yang mana gejala ini benar-benar berlaku kepada mereka. Selain itu juga, pakar psikiatri kanak-kanak dan remaja turut menyokong gejala sosial ini. Menurut R3, R6 dan In2:

R3: “*Melawan cakap ibu bapa mestilah pernah setelah saya diberitahu. Ia telah menimbulkan perasaan nak melawan cakap. Yalah kau bukannya ibu bapa aku yang real pun buat apa aku nak hormat camtulah. Kalau dekat sekolah pun lebih kuranglah sebab saya penat dan stress perasaan saya selepas pemberontakanlah*” (R3(1)I-26/4/22(2649-2651).

R6: “*Kita marah maksudnya kita tegur dia gini gini gini. Lepastu dia melawan cakaplah itu ini. Jadi sampai dia sendiri rasa macam mana dia rasa, dia nak lari dari rumah lah*” (R6(1)I-5/11/21(1762-1763).

In2: “*So sosial tu ada juga dalam remaja yang mana remaja yang at out. Macam mana ya dia macam melawan cakap, lawan cakap orang tua, menjawab balik macam tu*” (In2(1)I-30/3/22(697-698).

Masalah sosial yang terakhir iaitu “melepak”. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), melepak dapat diertikan sebagai berbuat sesuatu yang tidak mendatangkan faedah seperti duduk-duduk di kompleks membeli-belah tanpa tujuan, berbual-bual kosong dan lain-lain. Oleh yang demikian, dapatlah difahami bahawa melepak ini merupakan tingkah laku yang dapat dikatakan juga sebagai *hangout* di kawasan-kawasan tertentu dan melibatkan masa yang agak lama. Biasanya melebihi dua atau tiga jam tanpa tujuan-tujuan tertentu (Iran Herman & Saadah Yahya 2004). Gejala membuang masa dengan melepak pastinya merupakan suatu penyakit dalam masyarakat. Kegiatan ini bukan sahaja dilakukan oleh remaja lelaki tetapi juga remaja perempuan (Azizi Yahaya & Nalini Madayan 2010). Kebanyakan mereka yang melepak ini melakukan perkara yang kurang sihat dan tidak berfaedah (Azizi Yahaya 2011).

Tiga sampel bersetuju bahawa penamaan nasab ATST itu memberikan kesan kepada mereka sehingga menjadikan mereka sering melepak. Gejala melepak ini sering berlaku dalam kalangan remaja khususnya kepada anak-anak remaja yang tidak dipantau dan mengalami masalah peribadi yang tersendiri. ATST ini pula melepak menghabiskan masa bersama kawan-kawan kerana berasaskan diri mereka bukanlah sebahagian daripada keluarga itu. Ada juga ATST ini melepak di luar dengan tujuan ponteng sekolah kerana tidak mahu diejek oleh kawan-kawan mereka. Dua sampel ini diperakui sendiri oleh mangsa keadaan iaitu ATST dan ia disokong oleh seorang penjaga ATST yang mana gejala ini benar-benar berlaku kepada mereka. Sungguhpun pakar mengakui bahawa ATST itu mengalami masalah sosial akibat kesan penamaan nasab mereka, namun mereka tidaklah mengkhususkan gejala sosial yang dihadapi itu ialah sering melepak. Hal ini kerana, gejala sosial iaitu sering melepak itu hanya dapat dikenal pasti daripada mangsa keadaan dan turut disokong oleh penjaga mereka dalam sesi temu bual yang dijalankan. Menurut R1 dan R8:

R1: “*Ya saya ponteng. Saya tak hadir ke sekolah dan saya pergi melepak contoh ke cyber café dan tempat-tempat lain*” (R1(1)I-15/4/22(2353).

R8: “*Dia ada lah tak pergi sekolah dengan termenung, pergi sekolah tak sampai, dia duduk tepi jalan lepastu masuk sekolah macam duduk kat kedai kopi hah. Dia lepak macam tu kan lepastu orang balik sekolah, dia pun balik sekolah. Bila kita dapat tahu, tanyalah dia kenapa dia pergi sekolah tapi tak sampai? Dia cakaplah yang dia segan, malu sebab kawan dia ejek dia yang ayah dia lain ah*” (R8(1)I-31/10/21(2042-2045).

Daripada keseluruhan gejala yang telah dihuraikan dalam kajian ini, dapatlah dirumuskan bahawa anak-anak tak sah taraf ini tidak dapat lari daripada masalah sosial terhadap penamaan mereka kepada Abdullah. Ia memberikan kesan yang kurang menyenangkan kepada anak-anak ini seawal kanak-kanak dan semakin kritikal pada usia remaja mereka. Permasalahan yang timbul ini sedikit sebanyak sudah pastinya turut memberikan kesan terhadap fatwa penamaan nasab ATST. Sesungguhnya setiap fatwa yang dikeluarkan itu tidak lari dari landasan

maqasidnya dan ia mestilah sentiasa meraikan kehendak syarak. Hal ini kerana, *maqasid* itu sendiri ialah tujuan dan makna yang telah digariskan oleh syarak dalam setiap perundangan sama ada secara umum atau khusus bagi memelihara kepentingan manusia (Al-Qaradawi 2000).

KESIMPULAN

Secara tuntasnya, dapatlah difahami daripada kajian ini bahawa masalah sosial itu ialah suatu ketidaksesuaian antara unsur-unsur kebudayaan atau masyarakat, yang membahayakan kehidupan kelompok sosial sehingga menyebabkan kepincangan ikatan sosial dalam warga kelompok sosial itu sendiri. Hasil dapatan kajian bagi masalah sosial terhadap penamaan nasab ATST kepada Abdullah menunjukkan terdapat empat jenis masalah yang telah dikenal pasti. Kesemua masalah sosial yang dimaksudkan ialah ponteng sekolah, lari dari rumah, melawan cakap dan melepak. Kesemua masalah sosial yang telah dikenal pasti dalam kajian ini adalah disokong dan diklasifikasikan sebagai masalah sosial oleh beberapa literatur lepas. Walaupun kesemua gejala itu tidak dihadapi secara keseluruhannya oleh setiap ATST menurut 12 sampel yang ditemu bual pengkaji, namun ia turut memberikan kesan kepada mereka apabila penamaan nasab mereka digantikan dengan nama Abdullah. Oleh yang demikian, kajian ini mencadangkan agar penamaan nama Abdullah bagi menggantikan nama ibu sebagai jalur yang sah ke atas ATST adalah wajar dimurnikan kembali agar bersesuaian dengan realiti yang berlaku.

BIBLIOGRAFI

- A Child & 2 Ors Jabatan Pendaftaran Negara. (2017). *Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia*. Retrieved from: [http://www.kehakiman.gov.my/directory/judgment/file/W-01\(A\)-365-09-2016.pdf](http://www.kehakiman.gov.my/directory/judgment/file/W-01(A)-365-09-2016.pdf)
- Ainonmadiah, M., Mohd Nawawi, A., Norhana, Md. S., Juliana, B. & Siti Noor, B. (2016). *Hubungan Antara Gaya Pengajaran Guru Dengan Tahap Ponteng Sekolah Menengah Di Daerah Bachok, Kelantan*. Proceeding of ICECRS. Universiti Utara Malaysia (UUM).
- Al-Qaradawi, Y. (2000) *Nazariyat Maqasid Syari'at bayn Ibn Taymiyat wa Jamhur al-Usuliyin*. Universiti Kaherah.
- Artati., Dian Eka, C. W. & Rokhmat, B. (2020). *Tindak Tutur Ilokusi Asertif, Direktif, Ekspresif, Komisif, dan Deklaratif pada Program Gelar Wicara Mata Najwa, Diksa: Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*. Vol. 6 No. 1. Universitas Bengkulu.
- Azizah, M. R., Noor Aziah, M. A., Ahmad 'Azam, M. S., Nor 'Adha, A. H. & Tg. Noor Azira, T. G. (2019). *Menangani Masalah Kelahiran Anak Tak Sah Taraf di Malaysia: Peranan Perundangan Jenayah Dalam Masyarakat*. Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Azizi, Y. (2010). *Permasalahan Sosial di Kalangan Remaja: Satu Cabaran*. Kertas Kerja Institutional Repository. Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

- Azizi, Y. (2011). *Isu-Isu Remaja Suka Melepak*. Kertas kerja Institutional Repository. Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Azizi, Y. & Nalini, M. (2010). *Faktor-Faktor Lepak dan Hubungan Keibubapaan di Kalangan Pelajar Remaja Sekolah Menengah di Empat Buah Negeri*. Artikel Institutional Repository. Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Babbie, E. (2002). *The Practice of Social Research*. 12th ed. Belmont California, Wadsworth.
- Bin Roslan, M. M. (2024). Sejarah Kemunculan Teori Hifz al-Nafs dalam Maqasid Syari'at: Analisis Sorotan Teoritik: History of The Emergence of Hifz Al-Nafs Theory in Maqasid Syari 'At: Analysis of Theoretical Review. *Jurnal Pengajian Islam*, 17(1), 107–120. Retrieved from:
<https://doi.org/10.53840/jpi.v17i1.246>
- Bin Roslan, M. M. (2023). Hubungan Kesan Psikologi dan Masalah Sosial dengan Teori Hifz Al-Nafs dalam Fatwa Penamaan Nasab Anak Tak Sah Taraf: Analisis Fatwa Kebangsaan: The Relationship of Psychological Effects and Social Problems with Hifz Al-Nafs Theory in The Fatwa on the Named Lineage of Illegitimate Children: National Fatwa Analysis. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(1), 86–100. Retrieved from:
<https://doi.org/10.53840/jpi.v16i1.240>
- Bin Roslan, M. M. (2024). Sejarah Kemunculan Teori Hifz al-Nafs dalam Maqasid Syari'at: Analisis Sorotan Teoritik: History of The Emergence of Hifz Al-Nafs Theory in Maqasid Syari 'At: Analysis of Theoretical Review. *Jurnal Pengajian Islam*, 17(1), 107–120. Retrieved from:
<https://doi.org/10.53840/jpi.v17i1.246>
- Chitra Devi, N. (2017). *Masalah Lari Dari Rumah Di Kalangan Remaja*. Artikel KUPDF.
- Creswell, J. W. (2009). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*. n.d. Thousand Oask, CA, Sage.
- Diana, W. & Mohammad Syawal. (2018). *Pengaruh Gaya Asuhan Ibu Bapa Terhadap Gejala Ponteng Sekolah*. Jesoc: Jurnal Of Education and Social Sciences. Vol. 9 No. 2. Zes Rokman Resources.
- Hans Wehr. (1980). *A Dictionary of Modern Written Arabic*. n.d. Library Du Liban, Beirut.
- Iran, H. & Saadah, Y. (2004). *Lepak di Kafe Siber*. Artikel Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme. Universiti Utara Malaysia (UUM).
- Kamus Dewan Bahasa. (2012). 4th ed. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- M., M. R. (2024). Kaedah Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan Kesannya Kepada Murid Tahap Satu: Analisis Subjek Pendidikan Islam/ Classroom Assessment Method (PBD) And Its Impact On Level One Pupils: Analysis Of Islamic Education Subjects. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 11(1), 63–78. Retrieved from:
<https://doi.org/10.11113/umran2024.11n1.678>
- M. R. , M., & O.Z., A. (2022). Garis Panduan Terhadap Penerapan Maqasid Syariah dalam Fatwa: Analisis Ijtihad Maqasidi. *Al-Takamul Al-Ma'rifi*, 5(2), 1–11. Retrieved from:
<http://devojs.usas.edu.my/altakamul/index.php/altakmulfiles/article/view/108>
- Marina, Y. & Faridah, A. (2019). *Gangguan Sikap Menentang Pada Anak*. Naskah Prosiding *Temilnas XI IPPI*. Universitas Muhammadiyah Malang.

- Mok Soon Sang. (2005). *Teks Komprehensif P.T.K. (Penilaian Tahap Kecekapan)*. Editions Didier Millet: Kuala Lumpur.
- Muhammad Adam, A. A., Khadher, A., Mohd Khairul Nazrin, M. N. & Ishak, S. (2020). *Dinamika Tafsiran Teks Hadis al-Walad li al-Firasy wa li al-Ahir al-Hajar dan Implikasinya Terhadap Fatwa Penasaban Anak Tak Sah Taraf di Malaysia*. International Refereed Academic Journal in Hadis Sudies. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Muslim, M. S. (2016). *Varian-Varian Paradigma, Pendekatan, Metode, dan Jenis Penelitian dalam Ilmu Komunikasi*. Wahana. Vol. 1 No. 10. Universitas Pakuan, Indonesia.
- Mustaqim Roslan, M. (2023). *Hifz al-Nafs dalam Fatwa Penamaan Nasab Anak Tak Sah Taraf di Malaysia: Analisis Kesan Psikologi dan Masalah Sosial*. (Postgraduate Thesis). Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Kuala Kangsar – Perak Darul Ridzuan.
- Nor Khairiah, Amir. & Siti Fardaniah, A. A. (2019). *Faktor Remaja Lari dari Rumah dalam Kalangan Komuniti PPR Pantai Dalam dan Desa Rejang, Malaysia*. Jurnal Wacana Sarjana. Vol. 3 No. 1. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Noraini Aqilah, I. & Ahmad Munawar, I. (2018). *Persepsi Masyarakat Muslim di Hulu Langat Terhadap Anak Tak Sah Taraf*. Malaysian Journal for Islamic Studies (MJIS). Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).
- Norizan, Y. (2016). *Pengurusan Elemen Psikologikal sebagai Persediaan Menghadapi Bencana: Satu Kajian Kualitatif Terhadap Mangsa Banjir di Kelantan*. Jurnal Psikologi Malaysia.
- Othman Lebar. (2017). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metode*. n.d. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rehana Dzulaicha, J. (2019). *Permasalahan Sosial Budaya Orang Minangkabau dalam Novel Imam Karya Wisran Hadi (Tinjauan Sosiologi Sastra)*. (Postgraduate Thesis). Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Andalas Padang.
- Roslan, M. M. (2024). Mufti Harussani's Leadership in Family Institutions: An Analysis of Career Education. *Firdaus Journal*, 4(1), 34–43. Retrieved from: <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol4.1.4.2024>
- Roslan, M. M., & J.A, H. S. (2024). Kepimpinan Mufti Harussani Dalam Institusi Kekeluargaan: Analisis Pendidikan: Mufti Harussani's Leadership In Family Institutions: An Education Analysis. *Journal of Fatwa Management and Research*, 29(2), 79–98. Retrieved from: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol29no2.562>
- Roslan, M. M. (2023). Symptoms of Social Problems Regarding the Named Lineage of Illegitimate Children to Abdullah: National Fatwa Analysis. *Firdaus Journal*, 3(1), 39–50. Retrieved from: <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol3.1.5.2023>
- Roslan, M. M. (2023). Metodologi Pendalilan terhadap Fatwa Pensabitan Nasab Anak Tak Sah Taraf di Malaysia: Analisis Penamaan kepada Abdullah: Argument Methodology Against Fatwa Conviction of Illegitimate Children's Lineage in Malaysia: Analysis of the Appointment Name to Abdullah. *Journal of Muwafaqat*, 6(2), 19–34. Retrieved from: <https://doi.org/10.53840/muwafaqat.v6i2.140>

- Roslan, M. M., & Zainuri, A. O. . (2023). Kekhilafan Menerapkan Maqasid Syari'ah Dalam Pengeluaran Fatwa: Analisis Ijtihad Maqasidi: Arguments In Applying Maqasid Syari'ah In The Fatwa Issuance: An Ijtihad Maqasidi Analysis. *Journal of Fatwa Management and Research*, 28(1), 132-148. Retrieved from: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol28no1.464>
- Roslan, M. M. (2022). The Problem of Depression Regarding the Namement of Illegitimate Children's Lineage to Abdullah: National Fatwa analysis. *Firdaus Journal*, 2(2), 31–42. Retrieved from: <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol2.2.4.2022>
- Roslan, M. M., & Osman Zainuri, A. (2023). Teori Hifz Al-Nafs Dalam Maqasid Syariah: Analisis Pendalilan: The Theory of Hifz Al-Nafs In Maqasid Syariah: Argumentation Analysis. *Journal of Muwafaqat*, 6(1), 1–13. Retrieved from: <https://doi.org/10.53840/muwafaqat.v6i1.121>
- Roslan, M. M. (2023). Metodologi Pendalilan terhadap Fatwa Pensabitan Nasab Anak Tak Sah Taraf di Malaysia: Analisis Penamaan kepada Abdullah: Argument Methodology Against Fatwa Conviction of Illegitimate Children's Lineage in Malaysia: Analysis of the Appointment Name to Abdullah. *Journal of Muwafaqat*, 6(2), 19–34. Retrieved from: <https://doi.org/10.53840/muwafaqat.v6i2.140>
- Roslan, M. M. (2023). Pendalilan Teori Hifz Al-Nafs dalam Maqasid Syari'at: Analisis Surah-Surah Pilihan: [Argumentation of Hifz Al-Nafs Theory in Maqasid Syari'at: An Analysis from Selected Surahs]. *KQT EJurnal*, 3(2), 1–12. Retrieved from: <http://ejurnal.kqt.edu.my/index.php/kqt-ojs/article/view/74>
- Roslan, M. M., & Osman Zainuri, A. (2023). Hubungan Tahap Kefahaman dan Pengamalan Solat Fardu Terhadap Hasil Pembelajaran Kursus Fiqh al-Ibadat dalam Kalangan Pelajar-Pelajar Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). *Al-Takamul Al-Ma'rifi*, 6(1), 1–12. Retrieved from: <http://devojs.usas.edu.my/altakamul/index.php/altakmulfiles/article/view/139>
- Roslan, M. M., & H., Z.- kifli. (2022). The Relationship Between Psychological Effects and Social Crisis for Illegitimate Children: An Analysis in Their Name Title. *Al-Takamul Al-Ma'rifi*, 5(2), 1–12. Retrieved from: <http://devojs.usas.edu.my/altakamul/index.php/altakmulfiles/article/view/102>
- Safynatul, F. & B. Wahyudi, J. (2017). *Implikatur Percakapan pada Iklan Kosmetik di Televisi: Kajian Pragmatik*. Jurnal Seloka: Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia. Universitas Negeri Semarang.
- Tallman, I., dan McGee, R. (1971). *Definition of Social Problem*. Dalam Smigel, E. O. Eds. *Handbook on the Study of Social Problems*. Chicago: Rand McNaly and Company. Thousand Oaks, Sage Publication.
- Wan Abdul Fattah, I., Syahirah, A. S., Lukman, A. M., Ahmad Syukran, B., Zulfaqar, M. & Nik Salida, N. S. (2020). *Faktor dan Penyelesaian Isu Anak Tak Sah Taraf dalam Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia*. International Seminar on Syariah and Law (INSLA). Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

- Zakiul Fuady, M. D. & Raihanah, A. (2020). *Analisis keputusan dan Metode Penghakiman terhadap Pemberian Wasiat Wajibah kepada Anak Tak Sah Taraf*. Jurnal Fiqh. Universiti Malaya (UM).
- Zulfikri, A. W., Yohan, K. & Haris, A. W. (2013). *Pengurusan Masalah Sosial yang Berlaku dalam Komuniti Pesisir di Kelantan*. Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS). Vol. 24 No. 1. Universiti Malaya (UM).
- Zulkifli al-Bakri. (2003). *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatan Kuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).